

Program Dapur Digital diperluas perkasa B40

KUALA LUMPUR - Program Dapur Digital diperluaskan ke 10 lagi kawasan Program Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA) di Wilayah Persekutuan berikutan impak positif dalam memperkasa ekonomi golongan B40 selepas tahun kedua pelaksanaannya.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Datuk Seri Dr Zaliha Mustafa berkata, fasa



DR ZALIHA

pertama inisiatif itu yang dilaksanakan di lima PPR sebelum ini berjaya mencatat jumlah jualan melebihi RM1 juta pada tahun lepas.

Menurutnya, lokasi baharu pelaksanaan Dapur Digital pada tahun ini melibatkan PPR Seri Semarak, PPR Hiliran Ampang, PPR Seri Alam, PPR Raya Permai, PPR Kampung Muhibbah, PPR Taman Mulia, PPR Beringi, Pangsapuri Sentul Utara, PA Sri Kedah dan PA Seri Perlis II.

“Program ini merupakan platform keusahawanan yang bukan sahaja memberi latihan penyediaan menu makanan malah melatih peserta dalam aspek pemasaran digital dan pengurusan kewangan. Latihan ini dijalankan berhampiran kawasan PPR,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas Majlis Penyerahan Kunci Dapur Digital 2025 di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) di sini pada Isnin.

Sementara itu, Zaliha ketika berucap pada majlis berkenaan berkata, program tersebut bukan sahaja menyediakan kemudahan dapur moden malah menjadi pusat pemprosesan makanan, ruang perniagaan e-dagang, pusat latihan kemahiran sepanjang hayat serta hab aktiviti komuniti. - *Bernama*